



7 Disember 2017
7 December 2017
P.U. (A) 378

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN
(PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)
(NO. 9) 2017

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 9) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 9) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 9) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 8 Disember 2017.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) Pembiayaan Kredit Pusingan Jangka Pendek yang diperoleh atau akan diperoleh oleh Prasarana Malaysia Berhad (dahulunya dikenali sebagai Syarikat Prasarana Negara Berhad), dengan amaun agregat prinsipal tidak melebihi satu bilion sembilan ratus empat belas juta ringgit (RM1,914,000,000.00); dan

(b) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan kemudahan yang disebut dalam subsubperenggan (a).

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan kemudahan dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

- (a) Prasarana Malaysia Berhad yang baginya Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Syarikat Prasarana Negara Berhad) 2001 [*P.U. (A) 351/2001*]; atau
- (b) mana-mana pihak kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan kemudahan dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.

Peremitan duti setem

4. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan kemudahan dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 6 Disember 2017
[KK/SID/(S)845/1/1 Jld. 3(4); PN(PU2)232/XIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 9) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [*Act 96*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) (No. 9) Order 2017**.

(2) This Order comes into operation on 8 December 2017.

Application

2. This Order shall apply to—

(a) the Short Term Revolving Credit Facility obtained or to be obtained by Prasarana Malaysia Berhad (formerly known as Syarikat Prasarana Negara Berhad), in the aggregate principal amount not exceeding one billion nine hundred fourteen million ringgit (RM1,914,000,000.00); and

(b) the guarantee provided or to be provided by the Government of Malaysia in relation to the facility referred to in subsubparagraph (a).

Remission of tax

3. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] by any of the following individual or entity in respect of any money payable under any agreement, note, instrument and document in relation to the facility and guarantee referred to in paragraph 2 shall be remitted in full:

- (a) Prasarana Malaysia Berhad to which the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 applies by virtue of the Loans Guarantee (Declaration of Bodies Corporate) (Syarikat Prasarana Negara Berhad) Order 2001 [*P.U. (A) 351/2001*]; or
- (b) any party to any agreement, note, instrument and document in relation to the facility and guarantee referred to in paragraph 2, including any party to whom such agreement, note, instrument and document are transferred or assigned.

Remission of stamp duty

4. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [*Act 378*] in respect of any agreement, note, instrument and document in relation to the facility and guarantee referred to in paragraph 2 shall be remitted in full.

Made 6 December 2017
[KK/SID/(S)845/1/1 Jld. 3(4); PN(PU2)232/XIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance